

KAJIAN RINTIS : PERSEPSI DAN SIKAP TERHADAP PENERIMAAN TEKNOLOGI SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS) DALAM KALANGAN GURU

Norahsikin Harun, Mohd Jasmy Abd Rahman

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

ahsikinharun@gmail.com, mjas6969@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian rintis ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi dan sikap terhadap penerimaan teknologi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) dalam kalangan guru. Kajian dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif iaitu tinjauan yang melibatkan sebanyak 36 orang guru di dua buah sekolah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Instrumen kajian yang digunakan merupakan soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini menggunakan skala Likert 5 mata dan ianya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai alpha cronbach 0.90 bagi persepsi mudah guna, 0.96 bagi persepsi berguna dan 0.85 bagi sikap. Analisa data dilaksanakan menerusi perisian SPSS 22.0 bagi mendapatkan peratus dan min. Dapatan kajian mendapati, responden sederhana bersetuju (min = 3.13) bahawa SPS mudah untuk digunakan. Responden juga sederhana setuju (min = 3.17) bahawa SPS berguna untuk digunakan di sekolah. Seterusnya, responden juga bersikap sederhana (min = 2.92) terhadap SPS. Berdasarkan dapatan kajian rintis ini, maka dapat dirumuskan bahawa kajian sebenar berkaitan SPS ini boleh dilaksanakan.

Kata kunci : *Sistem Pengurusan Sekolah (SPS), teknologi*

1. Pendahuluan

Inisiatif pengintegrasian data pendidikan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah bermatlamat untuk menghasilkan satu sumber data pendidikan. Inisiatif ini merupakan salah satu daripada 25 inisiatif utama yang dilaksanakan dalam Gelombang 1 (2013-2015) PPPM. Pengintegrasian data pendidikan adalah bertujuan untuk mewujudkan satu platform kutipan data pendidikan di peringkat sekolah melalui penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS). SPS ini akan menjadi satu gerbang kemasukan data utama (*single entry point*) di peringkat sekolah dalam membekalkan data dan maklumat pendidikan bagi tujuan perancangan dan pengoperasian pendidikan di peringkat KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut laman web Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM menyatakan bahawa SPS merupakan satu komponen dalam Penyelesaian Bersepadu Projek Rintis Sekolah Bestari. Objektif SPS ialah mewujudkan satu *primary data* maklumat sekolah. Sistem ini telah dibangunkan pada awal tahun 2009 dengan pembangunan pangkalan data yang mengambil kira fungsi dan keperluan data aplikasi iaitu Sistem Maklumat Murid (SMM), *Educational Management Information System* (EMIS), Sistem Salah laku dan Disiplin Murid (SSDM) dan *Integrated Student Information System* (ISIS). Penyeragaman sistem-sistem berkenaan mengambil kira penyelarasan kod yang terkandung dalam Data Dictionary Sektor Awam (DDSA).

SPS mengandungi 22 modul pengurusan iaitu Pengurusan Maklumat Sekolah, Pengurusan Kemudahan Sekolah, Pengurusan Takwim, Pengurusan Pentadbir Sistem, Pengurusan Staf, Pengurusan Murid, Pengurusan Sistem Rumah, Pengurusan Jadual Waktu, Pengurusan Asrama, Pengurusan Kehadiran, Pengurusan Kedatangan Murid, Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling, Pengurusan Buku Teks, Pengurusan Disiplin, Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Kandungan, Pengurusan Program Nilam, Pengurusan Peperiksaan, Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Laporan, Pengurusan Utiliti, dan Pengurusan e-Cuti. Walau bagaimanapun dalam kajian rintis ini, modul-modul SPS yang dikaji merujuk kepada Modul Pengurusan Maklumat Sekolah, Modul Pengurusan Kemudahan Sekolah, Modul Pengurusan Staf, Modul Pengurusan Murid, Modul Pentadbir Sistem, dan Modul Takwim Sekolah sahaja.

2. Kajian Literatur

Pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia adalah agenda utama KPM. Sehubungan itu, guru-guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan, mempunyai iltizam, dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Menurut Mohd Izham et al. (2007), perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan kerana ia menjamin kelangsungan masa depan. Perubahan akan sentiasa berlaku dalam bidang pendidikan kerana ia merupakan suatu bidang yang dinamik dan bukannya statik.

Menurut Whitaker (1993), guru mengalami beberapa perubahan perasaan semasa menghadapi sesuatu perubahan. Antara perubahan perasaan tersebut ialah bimbang. Kebimbangan tersebut termasuklah tentang tahap pemahaman baru yang ditentukan, ketrampilan-ketrampilan baru, kemampuan untuk menghadapi perubahan dan cabaran, serta bagaimana masa depan mereka. Halangan mental ini perlu di atasi kerana jika dibiarkan akan merosakkan dunia pendidikan kerana teknologi berubah terlalu pantas.

Selain itu, halangan yang dihadapi oleh guru untuk menerima dan menggunakan teknologi ialah sikap guru sendiri. Kajian Davis dan McDonald et al. (dalam Noraini, 2012), menyatakan bahawa sikap guru dalam penerimaan teknologi di pengaruhi oleh aspek, sejauh mana kepercayaan mereka terhadap kelebihan teknologi itu melebihi teknologi sedia ada, keserasian dengan amalan-amalan biasa, kebergunaannya dan mudah digunakan. Manakala dalam kajian Hunt et al. dan Weston (dalam Noraini, 2012) pula menyatakan bahawa tidak berani mengambil risiko dan takut untuk mencuba inovasi menjadi halangan untuk menerima teknologi baru secara terbuka.

3. Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini iaitu :


1. Apakah tahap persepsi mudah guna penerimaan teknologi SPS dalam kalangan guru?
2. Apakah tahap persepsi berguna penerimaan teknologi SPS dalam kalangan guru?
3. Apakah sikap guru terhadap penerimaan teknologi SPS?

4. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian rintis yang dijalankan ini adalah bagi melihat persepsi dan sikap guru terhadap penerimaan teknologi penggunaan aplikasi SPS di sekolah. Salah satu model yang menjelaskan penerimaan individu terhadap teknologi baru ialah Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model* – TAM) yang dikemukakan oleh Davis (1989). Menurut TAM, sikap individu sama ada menerima atau menolak sesuatu sistem ditentukan oleh persepsi berguna (*perceived useful*) dan persepsi mudah guna (*perceived ease*

of use). Persepsi mudah guna dan pembolehubah-pembolehubah luaran seperti latihan dan sokongan akan mempengaruhi persepsi berguna. Sekiranya seseorang individu mempunyai persepsi-persepsi yang positif berkaitan mudah guna dan bergunanya sesuatu sistem, maka individu tersebut akan membentuk sikap yang positif serta menunjukkan tingkah laku untuk menggunakan sistem tersebut. Sebaliknya pula berlaku, apabila individu mempunyai persepsi-persepsi yang negatif tentang mudah guna dan berguna sesuatu sistem, berkemungkinan individu tersebut akan membentuk sikap yang negatif serta enggan menggunakan sistem yang diperkenalkan (Noraini, 2012; Rosnaini, 2006; Wong, 2002; Davis et al, 1989).

Kerangka konseptual ini diubahsuai berdasarkan model kerangka dalam kajian Rosnaini (2006) dan Noraini (2012) agar bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan. Ringkasan kerangka tersebut adalah seperti Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian yang diubah suai dari (Davis, 1989; Rosnaini, 2006; Noraini, 2012)

5. Metodologi

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif jenis tinjauan yang menggunakan soal selidik. Soal selidik tersebut menggunakan skala Likert 5 mata iaitu Amat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Pasti, Setuju, dan Amat Setuju. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 5 bahagian iaitu Bahagian A : Demografi , Bahagian B : Pengetahuan ICT, Bahagian C : Persepsi Mudah Guna, Bahagian D : Persepsi Berguna, dan Bahagian E : Sikap.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 36 orang guru dari dua buah sekolah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan peratus, min dan sisihan piawai dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.0.

6. Dapatan Dan Perbincangan

6.1 Analisis Indeks Kebolehpercayaan Bagi Instrumen

Jadual 1 : Nilai Alfa Instrumen bagi 3 Domain

Bil	Domain	Nilai Alfa
1.	Persepsi Mudah Guna	0.90
2.	Persepsi Berguna	0.96
3.	Sikap	0.85

Jelas dilihat dari jadual 1 diatas menunjukkan bahawa nilai alfa keseluruhan bagi setiap domain adalah tinggi. Maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Pallant, 2010).

Tahap Penerimaan Teknologi

Data mengenai mengenai tahap penerimaan teknologi SPS oleh responden dipaparkan melalui Jadual 2, Jadual 3, dan Jadual 4.

Persoalan kajian :

- i. Apakah tahap persepsi mudah guna penerimaan teknologi SPS dalam kalangan guru?

Jadual 2 : Tahap Persepsi Mudah Guna Terhadap Penerimaan Teknologi SPS

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Alamat atau URL SPS mudah untuk diingati	0.0%	22.2%	25.0%	44.4%	8.3%	3.39	0.93
2	Kata nama dan kata laluan pengguna SPS mudah untuk saya ingati.	2.8%	22.2%	22.2%	44.4%	8.3%	3.33	1.01
3	Modul-modul yang terdapat dalam aplikasi SPS mudah dipelajari kerana manual pengguna yang disediakan adalah jelas.	2.8%	13.9%	41.7%	33.3%	8.3%	3.31	0.92
4	Mudah untuk mengendalikan aplikasi SPS kerana susun atur aplikasi jelas dan mudah difahami.	2.8%	19.4%	30.6%	38.9%	8.3%	3.31	0.98
5	Antaramuka (<i>interface</i>) aplikasi SPS mesra pengguna (<i>user friendly</i>)	2.8%	25.0%	44.4%	22.2%	5.6%	3.03	0.91
6	Masa tindak balas (<i>respond time</i>) sistem yang digunakan untuk menjalankan operasi perisian setiap modul adalah pantas (cth : <i>key-</i>	2.8%	38.9%	33.3%	19.4%	5.6%	2.86	0.96

	<i>in, edit, update data)</i>							
7	Mudah untuk mengakses laman web SPS kerana terdapat kemudahan internet berkelajuan tinggi disediakan oleh pihak KPM.	11.1%	33.3%	22.2%	25.0%	8.3%	2.86	1.18
8	Setelah menggunakan aplikasi SPS, saya dapati ianya mudah digunakan	5.6%	22.2%	41.7%	25.0%	5.6%	3.03	0.97
	Min Keseluruhan						3.13	0.76

1 = amat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang pasti, 4 = setuju, 5 = amat setuju

Didapati julat min bagi aspek persepsi mudah guna SPS adalah antara 2.86 dan 3.39. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi guru terhadap mudah guna SPS adalah sederhana bagi semua item seperti mudah untuk mengakses laman web SPS, antaramuka yang mesra pengguna, masa tindak balas yang pantas, alamat URL yang mudah diingati dan modul dalam aplikasi SPS mudah dipelajari. Secara keseluruhan, persepsi guru terhadap mudah guna SPS adalah sederhana (min=3.13, sp=0.76)

ii. Apakah tahap persepsi berguna penerimaan teknologi SPS dalam kalangan guru?

Jadual 3 : Tahap Persepsi Berguna Terhadap Penerimaan Teknologi SPS

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Aplikasi SPS dapat mengurangkan beban pengisian data yang berulang (<i>redundant data</i>).	11.1%	13.9%	38.9%	30.6%	5.6%	3.06	1.07
2	SPS merupakan gerbang kemasukan data utama (<i>single entry point</i>) bagi menguruskan maklumat berkaitan sekolah dan murid.	8.3%	5.6%	44.4%	36.1%	5.6%	3.25	0.97
3	SPS membantu pihak sekolah memperolehi maklumat yang tepat dan terkini.	5.6%	5.6%	41.7%	38.9%	8.3%	3.39	0.93
4	Penggunaan SPS dapat meningkatkan produktiviti tugas-tugas saya di sekolah.	8.3%	11.1%	50.0%	25.0%	5.6%	3.08	0.97
5	Penggunaan SPS menjimatkan masa kerana dapat membantu saya dan pihak sekolah memperoleh maklumat yang diperlukan dengan	8.3%	11.1%	44.4%	30.6%	5.6%	3.14	0.99

6	kadar segera. SPS sangat berkaitan dengan tugas-tugas saya di sekolah.	5.6%	19.4%	30.6%	38.9%	5.6%	3.19	1.01
7	Data yang disimpan dalam SPS mudah untuk diperolehi dan digunakan semula mengikut kehendak pihak berkepentingan.	5.6%	11.1%	38.9%	38.9%	5.6%	3.28	0.94
8	Keyakinan saya tinggi untuk menggunakan SPS dalam pengurusan sekolah.	5.6%	25.0%	36.1%	27.8%	5.6%	3.03	1.00
Min Keseluruhan							3.17	0.86

1 = amat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang pasti, 4 = setuju, 5 = amat setuju

Secara keseluruhan julat min bagi aspek persepsi berguna SPS ini adalah antara 3.03 dan 3.39. Berdasarkan min keseluruhan yang dipaparkan di jadual 2, ternyata tahap persepsi berguna SPS dalam kalangan guru adalah sederhana (min = 3.17, sp = 0.86). Peratusan responden yang kurang pasti berada antara 30.6% dan 50.0%. Ini menunjukkan bahawa majoriti guru kurang pasti sama ada SPS ini berguna dalam pengurusan di sekolah atau sebaliknya.

iii. Apakah tahap sikap guru terhadap penerimaan teknologi SPS?

Jadual 4 : Sikap Guru Terhadap Penerimaan Teknologi SPS

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Saya sentiasa mengikut perancangan berdasarkan waktu yang telah ditetapkan oleh KPM dan JPN dalam melaksanakan SPS di sekolah.	0.0%	2.8%	27.8%	63.9%	5.6%	3.7 2	0.6 2
2	Saya keliru dengan fungsi modul-modul yang terdapat dalam SPS.	5.6%	27.8%	47.2%	16.7%	2.8%	2.8 3	0.8 8
3	Saya sentiasa mengemaskini maklumat dalam modul-modul aplikasi SPS yang berkaitan dengan bidang tugas saya secara sistematik.	2.8%	13.9%	41.7%	36.1%	5.6%	3.2 8	0.8 8
4	Saya kekurangan masa untuk mengemaskini modul-modul SPS yang berkaitan dengan bidang tugas saya kerana tugas-tugas harian yang banyak di sekolah	30.6%	50.0%	13.9%	2.8%	2.8%	1.9 7	0.9 1
5	Saya dapati aplikasi SPS tidak membantu tugas-tugas saya di	19.4%	44.4%	22.2%	8.3%	5.6%	2.3 6	1.0 7

	sekolah, malahan menambahkan beban tugas sedia ada.							
6	Saya bersedia menggunakan SPS kerana ia membantu dalam pengurusan maklumat bidang tugas saya di sekolah.	5.6%	8.3%	50.0%	33.3%	2.8 %	3.1 9	0.8 6
7	Saya tidak yakin SPS mampu menguruskan pengurusan maklumat yang berkesan di sekolah.	5.6%	25.0%	50.0%	16.7%	2.8 %	2.8 6	0.8 7
8	Saya akan lebih kerap menggunakan SPS pada masa-masa akan datang.	2.8%	11.1%	55.6%	27.8%	2.8 %	3.1 7	.07 8
Min Keseluruhan							2.9 2	0.6 0

1 = amat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang pasti, 4 = setuju, 5 = amat setuju

Secara keseluruhan julat min bagi sikap terhadap penerimaan teknologi SPS adalah antara 1.97 dan 3.72. Min keseluruhan bagi sikap guru terhadap penerimaan teknologi SPS adalah sederhana (min = 2.92, sp = 0.60). Ini menunjukkan bahawa guru bersikap kurang pasti terhadap SPS sama ada SPS dapat membantu dalam proses pengurusan di sekolah atau sebaliknya.

7. Rumusan

Dapatan yang diperolehi daripada kajian rintis tentang indeks kebolehpercayaan bagi setiap instrumen dalam soal selidik berdasarkan tahap penerimaan teknologi berkaitan persepsi dan sikap responden terhadap Sistem Pengurusan Sekolah, mempunyai nilai koefisien alfa yang tinggi. Nilai alpha cronbach 0.90 bagi konstruk persepsi mudah guna, 0.96 bagi konstruk persepsi berguna dan 0.85 bagi konstruk sikap. Menurut Pallant (2010) menyatakan bahawa nilai alpha cronbach 0.7 ke atas adalah baik dan boleh diterima. Dapatan kajian mendapati, responden sederhana bersetuju (min = 3.13) bahawa SPS mudah untuk digunakan. Responden juga sederhana setuju (min = 3.17) bahawa SPS berguna untuk digunakan di sekolah. Seterusnya, responden juga bersikap sederhana setuju (min = 2.92) terhadap SPS. Menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (2006) skor min di antara julat 2.61 hingga 3.40 adalah berada dalam tahap sederhana. Hasil daripada dapatan kajian rintis ini dapatlah dirumuskan bahawa kajian sebenar berkaitan persepsi dan sikap guru terhadap penerimaan teknologi SPS boleh dijalankan.

Rujukan

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: KPM.

Bahagian Teknologi Pendidikan, dicapai Julai 23, 2014.
http://www.moe.edu.my/btp/?page_id=2472

- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 319 – 339.
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P. & Warshaw, P. R. (1989). User Acceptance of Computer Technology: A Comparison of Two Theoretical Models. *Management Science*, 35 (8), 982 – 1003.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Mohd Izham, M. H.& Sufean, H. (2007). Cabaran dan Amalan Perubahan Terancang di Sekolah Bestari : Penggunaan SSMS sebagai Teknologi Instruksional dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *MJLI Vol. 4 (2007)*, 71 – 91.
- Noraini, M. N. (2012). *Kesediaan Penerimaan Inovasi Eduwebtv Dalam Kalangan Guru Perpustakaan Media di Sekolah-Sekolah Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. UKM.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual*(4th edition). New York, NY: McGraw Hill.
- Rosnaini, M. (2006).*Kesediaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Asas dalam Pendidikan (TMKP) Guru-Guru Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan UKM.
- Whitaker, P. (1993). *Practical Communication in Schools*.Harlow : Longman.
- Wong, S. L. (2002). *Development and Validation of an Information Technology (IT) Based Instrument to Measure Teachers' IT preparedness*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.